

# BAB 5

## **Bab 5      Analisa**

### **A.      Pengenalan Bab**

Beberapa bab terawal iaitu bab 1, 2 dan 3 adalah bab yang meliputi asas, sejarah dan laporan urutan peristiwa insiden agama yang berlaku. Ia menjadi latarbelakang kajian untuk dirumus dalam bab 4 ini. Bagi memudahkan perbincangan, analisis dibahagikan kepada dua perkara berikut:

1.      Dasar; dan
2.      Pelaksanaan

#### **1.      Dasar**

Sebagai rahmat Allah kepada makhluk khususnya manusia yang menjalani kehidupan di dunia ini ianya tidak dibiarkan meraba-raba mencari sendiri sesuatu yang amat penting dalam kehidupan mereka bagi dijadikan panduan. Allah menurunkan al-Quran untuk dijadikan panduan asas dalam semua aspek kehidupan manusia. Beragama adalah salah satu keperluan asas maka ianya diberi panduan secara umum.

Panduan umum Allah kepada manusia seperti yang disebutkan di dalam al-Quran ialah bahawa manusia diberikan kebebasan memilih agama yang disukai. Fitrah manusia tidak suka dipaksa apa lagi dalam perkara akidah dan kepercayaan. Dasar yang tidak memaksa ini juga sebagai salah satu syarat

taklif. Kebebasan seseorang memilih agama atau memilih sesuatu itu merupakan tempat letaknya taklif.

Dasar kebebasan beragama ini diperlihatkan oleh Rasul dalam kehidupannya dan ternyata tiada sebarang paksaan yang beliau lakukan kepada mana-mana pihak. Tugas beliau bukan sebagai diktator dan memaksa sebaliknya tugas utama beliau menyeru kepada kebenaran, terpujanglah kepada manusia menimbangkannya. Keadaan semakin ketara apabila beliau berpindah ke Madinah. Di Madinah di mana masyarakatnya adalah majmuk, Rasul sebagai ketua tetap menjalankan dasar kebebasan beragama dan sekali gus membenarkan pembinaan rumah ibadat bagi penganutnya.

Kecenderungan penganut yang berlainan agama di Madinah ketika itu lebih bermaksud untuk mewujudkan suasana aman damai. Dengan demikian kita lihat semacam ada zon bagi penganut setiap agama mendirikan rumah ibadat mereka. Masyarakat Madinah menyedari sensitiviti agama, justeru mereka menjaganya dengan baik supaya tidak berlaku insiden agama yang tidak di ingini. Turut dijaga oleh mereka ialah jarak antara sebuah rumah ibadat dengan sebuah rumah ibadat yang lain.

Suasana sedemikian cuba diwujudkan di Tanah Melayu dengan meletakkan satu dasar semasa negara berada di bawah penjajahan, urusan agama tidak dikawal oleh penjajah sebaliknya urusan agama diletakkan di

bawah salah satu kuasa Sultan. Dengan kedudukan penjajah tidak campurtangan dalam urusan agama, rakyat bebas mengamalkan agama, khasnya agama Islam dan sekali gus memberi kebebasan dan kebenaran untuk membangun atau membina ruang ibadat agama masing-masing. Walau bagaimanapun sensitiviti agama tetap di pelihara sama ada dari segi jarak jauh antara satu rumah ibadat dengan yang lain dan mereka juga mengawal gangguan seperti suara bising dan bunyi loceng yang mengganggu penganut agama lain. Gambaran ini menunjukkan kepada kita dasar kebebasan beragama seperti yang terdapat di dalam al-Quran dan dilaksanakan oleh Rasul difahami dan dijadikan panduan dalam urusan agama dan pembinaan rumah ibadat oleh masyarakat Islam lain.

Di Malaysia apabila negara mencapai kemerdekaan agama dimasukkan sebagai salah satu peruntukan penting di dalam Perlembagaan Persekutuan. Sesuai dengan amalan penjajah dahulu, maka Islam diletakkan sebagai agama Persekutuan atau agama rasmi dan diamalkan di mana-mana bahagian di Malaysia dengan aman dan damai, di samping tidak menghalang agama lain di anuti dalam keadaan aman dan damai. Peruntukan Islam sebagai agama Persekutuan diperuntukkan dengan jelas kerana menyedari sensitiviti yang wujud dikalangan penduduk Malaysia lain yang terdiri dari pelbagai bangsa dan agama.

Bagi menjaga keharmonian, diperuntukkan pula peraturan yang berkaitan pembinaan rumah ibadat sama ada rumah ibadat orang Islam atau lainnya. Dalam hubungan rumah ibadat orang Islam digubal satu peraturan khas di Enakmen Pentadbiran Agama Islam. Pembinaan rumah ibadat agama lain pula hanya termasuk di bawah kawalan Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133). Namun tidak terdapat sebarang peraturan khas yang jelas tentang pembinaan rumah ibadat bukan Islam. Ia hanya termasuk di dalam Peraturan Pembinaan Bangunan, Jalan dan Taliair. Perkara ini di lihat sebagai suatu yang agak kurang wajar dan perlu untuk mewujudkan satu peraturan khas mengenainya.

## **2. Perlaksanaan**

Soal penting kepada dasar yang tersurat itu ialah perlaksanaannya. Sebagai satu dasar yang menyentuh urusan agama, ia adalah jelas. Tetapi soal perlaksanaan merupakan satu masalah. Dasar yang termaktub tidak dapat dilaksanakan kerana beberapa faktor seperti kurangnya tenaga, campurtangan ahli politik, pihak-pihak berwajib yang tidak wibawa dan lain-lain lagi. Kelemahan di dalam aspek-aspek inilah yang mencetuskan insiden kaum ini.

## **B. Penemuan**

Hasil kajian yang dijalankan oleh penulis dengan mengambil kira faktor sejarah, temubual yang dijalankan kepada pihak berwajib dan penduduk tertentu dan dari bukti-bukti yang tercatat, beberapa penemuan telah diperolehi. Antaranya adalah seperti berikut:

### **1. Tiada peraturan khas bagi pembinaan rumah ibadat bukan Islam**

Peraturan yang terdapat di dalam AKTA JALAN, PARIT DAN BANGUNAN 1974 (AKTA 33) diterimapakai bagi pembinaan rumah ibadat bukan Islam. Bagi pembinaan rumah ibadat orang Islam seperti masjid dan surau peraturan yang digunapakai ialah Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam Negeri Pulau Pinang 1993 dan tertakluk juga kepada AKTA JALAN, PARIT DAN BANGUNAN 1974 (AKTA 33).

Oleh kerana tiada peraturan khusus mengenai pembinaan rumah ibadat bukan Islam, maka ianya memberi ruang yang luas bagi penganut agama-agama selain Islam membina rumah ibadat mereka mengikut sesuka hati. Dalam kes ini, kuil yang menjadi punca insiden asalnya adalah sebuah kuil kecil yang hanya digunakan untuk sebuah keluarga sahaja. Tetapi kerana tiada peraturan yang dapat membendung akhirnya

diperbesar dan terus diperbesar dengan tiada mendapat apa-apa kelulusan dari pihak berkuasa.

Keadaannya berlainan dengan tempat ibadat orang Islam di mana semua pindaan atau tambahan dari mana bahagian bangunan mestilah mendapat kebenaran dari pihak berkuasa tempatan. Apatah lagi untuk membina sebuah rumah ibadat yang baru, ianya perlu mengikut peraturan yang ditetapkan.

## **2. Pembinaan rumah ibadat bukan Islam dijalankan tidak mengikut keperluan awam**

Adalah didapati bahawa pembinaan rumah ibadat bukan Islam dalam kes ini iaitu kuil, kebanyakannya dibina bukan atas dasar keperluan awam. Dalam kes ini, pembinaan kuil yang asalnya hanya untuk pelaksanaan sembahyang bagi sebuah keluarga seramai 3 orang sahaja dan bukannya untuk keperluan awam masyarakat Hindu.

Berlainan keadaannya dengan pembinaan rumah ibadat orang Islam, seperti surau atau masjid yang dibina berasaskan keperluan masyarakat di satu-satu tempat kediaman dan pembinaannya adalah menurut peraturan yang ditetapkan dari masa ke masa.

### **3. Campur Tangan Parti Politik**

Insiden pergaduhan yang berlaku antara penganut dua agama, iaitu Islam dan Hindu sedikit sebanyak disebabkan oleh campurtangan parti politik. Dalam hubungan ini parti politik seperti UMNO, DAP dan PAS mengambil kesempatan daripada isu kuil ini untuk dijadikan modal mendapatkan sokongan orang ramai supaya menyokong perjuangan parti mereka. Campurtangan parti-parti politik juga menyebabkan tindakan daripada pihak MPPP tidak dapat dijalankan dengan baik. Parti UMNO menggunakan kesempatan ini untuk meraih undi dari orang Melayu dan India yang secara kebetulan berlaku proses pemilihan Jawatankuasa UMNO di Kg. Rawa.

### **4. Kurang Peka Agensi Sosial**

Di kampung tersebut didapati ada beberapa agensi sosial diperingkat akar umbi seperti Rukun Tetangga, JKKK, Jawantakuasa Masjid dan Jawatankuasa kuil. Walaubagaimanapun agensi ini tidak begitu peka terhadap isu sensitif tersebut. Seandainya mereka menyedari dari awal masalah ini dapat diatasi dengan mudah. Agensi akar umbi seperti yang disebutkan di atas hanya menumpukan kepada hal dan perkara yang kurang penting khasnya perebutan pengaruh dan kuasa di dalam organisasi masing-masing.

## **5. Jentera Penguatkuasaan Lemah**

Seperkara yang amat jelas ketara ialah penguatkuasaan yang dimiliki oleh MPPP sangat lemah dan tidak berdaya mengatasi masalah pembinaan rumah ibadat yang dibangunkan secara haram. Penguatkuasaan MPPP tidak dapat berfungsi kerana kekurangan tenaga dan keadaan tambah sukar apabila parti politik seperti MCA, GERAKAN dan UMNO mencampuri urusan pentadbiran MPPP.

Sekiranya MPPP mempunyai kuasa yang cukup dan mampu mengenepikan campur tangan politik diyakini isu sensitif seperti ini akan dapat ditangani lebih awal.

## **6. Penyebaran *Pamphlet* Dari Pihak Yang Berkepentingan**

Seperkara lagi yang tidak kurang pentingnya dan menyumbang kepada insiden ini ialah penyebaran *pamphlet* dan surat layang yang bersifat negatif dari pihak yang ada kepentingan untuk menyebarkan dakyah yang boleh membakar perasaan orang ramai khasnya penyokong dari kedua-dua agama Islam dan Hindu untuk bertindak ganas dan diluar batas undang-undang.

Beberapa risalah telah tersebar dari orang yang tidak bertanggungjawab untuk menyemarakkan semangat benci dan marah kepada satu-satu agama. Selain dari risalah, *pamphlet* dan internet juga digunakan bagi mendapatkan simpati tiap-tiap penyokong supaya membenci terhadap agama pihak berkenaan. Dengan demikian penyokong agama tersebut telah datang dari luar Pulau Pinang untuk membantu dan menyokong kumpulan tertentu. Keadaan ini menyebabkan keadaan membara sehingga sukar dikawal akhirnya mencetuskan satu insiden agama.

Disamping itu kesan pergaduhan agama dari luar negara khususnya di India sedikit sebanyak memberi kesan kepada insiden ini. Terdapat sumber yang boleh dipercayai dimana India Muslim di India yang kematian keluarga disana ingin menuntut bela diatas kematian mereka di sini. Insiden ini dapat memberi peluang dan ruang untuk mereka berbuat demikian. Dengan demikian terdapat India muslim yang berada di Malaysia khasnya di Kg Rawa Pulau Pinang mengambil kesempatan dari insiden ini.